



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Johor Bahru, 16 Jun 2026

### **NESCAFÉ BERI SOKONGAN 30 JAM UNTUK PULIHKAN TENAGA KAKITANGAN BARISAN HADAPAN HOSPITAL**

Setia berbakti dan sedia berkhidmat sepanjang masa, dengan rehat yang terhad dan daya tahan yang sentiasa teruji, kakitangan penjagaan kesihatan barisan hadapan Malaysia terus memenuhi keperluan pesakit, setiap hari. Sebagai tanda penghargaan dan solidariti kepada mereka, NESCAFÉ telah membawa kempen **“NESCAFÉ Dulu & Kekal Bersemangat Bersama”** ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, dalam inisiatif selama 30 jam yang bertujuan untuk memulihkan tenaga mereka yang memenuhi keperluan kesihatan negara, menjadikannya persinggahan kedua dalam misi lebih luas untuk menyuntik semangat rakyat Malaysia di seluruh negara.

Sebagai jenama kopi segera runcit No. 1 Malaysia, NESCAFÉ yakin setiap hari menjanjikan sesuatu yang lebih hebat – iaitu peluang untuk memberi inspirasi dan sumbangan yang bermakna. Inisiatif ini mencerminkan komitmen NESCAFÉ untuk meraikan kisah harian rakyat Malaysia, memberi penghormatan kepada mereka yang menunjukkan daya tahan, kesungguhan dan kekuatan bersama, sambil menyokong kakitangan barisan hadapan yang terus menjadi benteng negara serta setia menabur bakti.

Menyedari cabaran besar yang dihadapi oleh penyedia perkhidmatan di hospital, NESCAFÉ berganding bahu dengan HSA, institusi perubatan terbesar di selatan Semenanjung Malaysia, dalam menyokong komuniti kakitangan barisan hadapan. Dari jam 6 pagi pada 11 Jun hingga 12 tengah hari pada 12 Jun, NESCAFÉ telah membuka stesen pemulihan tenaga secara strategik di tempat-tempat tumpuan kakitangan, untuk mengedarkan 36,000 hidangan minuman NESCAFÉ, termasuk NESCAFÉ Classic, NESCAFÉ 3-in-1, dan tin minuman. Inisiatif ini bukan sahaja memberi nikmat secawan kopi tetapi juga menyuntik semangat, memulihkan tenaga dan menandakan penghargaan kepada mereka yang bekerja keras di belakang tabir.

“Di NESCAFÉ, kami percaya bahawa penghargaan sebenar melangkaui sekadar ungkapan kata – tetapi juga dengan memberikan sesuatu yang ikhlas dan bermakna melalui sokongan buat mereka yang sentiasa berjuang dan berkorban pada setiap hari. Usaha pada hari ini merupakan satu daripada pelbagai langkah dalam misi kami untuk

memulihkan tenaga dan menyuntik semangat rakyat Malaysia setiap hari dan kami ingin menyantuni lebih ramai kakitangan barisan hadapan sepanjang tahun ini,” kata **Khoo Sui Ying, Pengurus Pemasaran Pengguna, NESCAFÉ Malaysia.**

Pada hakikatnya, inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan NESCAFÉ untuk menambah baik kehidupan dan menyatupadukan komuniti Malaysia. Sebagai sebahagian daripada pelbagai usaha untuk memulihkan tenaga rakyat Malaysia di seluruh negara, NESCAFÉ terus membina hubungan bermakna dan menyuntik semangat juang negara untuk mara ke hadapan dengan nikmat secawan kopi.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi [www.nescafe.com.my](http://www.nescafe.com.my), Facebook di NESCAFÉ Malaysia ([facebook.com/Nescafe.MY](https://facebook.com/Nescafe.MY)) dan Instagram di [@nescafe\\_my](https://instagram.com/nescafe_my).

---

### **Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana Khasiat kepada Rakyat Malaysia sejak Lebih Satu Abad**

Sejak tahun 1912, Nestlé telah menjana khasiat kepada rakyat Malaysia dan membina kepercayaan mereka melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami menyumbang kepada keselamatan makanan serta kepada kesihatan dan kesejahteraan Rakyat melalui jenama yang dipercayai dan komitmen jangka panjang kepada negara dalam bentuk pelaburan, pekerjaan, dan pelbagai inisiatif yang meningkatkan komuniti tempatan. Hari ini, kami mengendalikan enam kilang, dengan lebih daripada 5,000 pekerja rakyat Malaysia. Kami komited menghasilkan produk yang disahkan halal, berkhasiat, dan berkualiti tinggi dengan kelestarian sebagai teras amalan perniagaan kami – buatan Malaysia, untuk rakyat Malaysia.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat yang berpusat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan mempunyai tenaga kerja lebih daripada 270,000 yang berdedikasi, kami didorong oleh matlamat untuk meneroka potensi makanan, meningkatkan kualiti hidup untuk semua, baik hari ini mahupun untuk generasi akan datang. Komitmen kami terhadap nutrisi, kesihatan, dan kesejahteraan membentuk prestasi kami, memastikan kami kekal menunaikan janji, iaitu menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami selama satu abad dalam memberi khasiat kepada rakyat Malaysia, sila lawati laman web kami di <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

---

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

##### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit +60 12 235 6865

: [Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com](mailto:Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com)

E-

mel:

##### **Myra Amier**

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138

Bimbit: +60 12 644 0510

E-mel: [shahira.amiera@perspective.com.my](mailto:shahira.amiera@perspective.com.my)

